

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang 1986/87

ZCC 301/2 - Ilmu Mekanik Klasik II

Tarikh: 22 Jun 1987

Masa: 2.15 ptg. - 4.15 ptg.  
(2 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Sistem koordinat sferaan ( $r, \theta, \phi$ ) ditakrifkan melalui perhubungan dengan koordinat Descartes ( $x, y, z$ ) seperti berikut:

$$x = r \sin \theta \cos \phi$$

$$y = r \sin \theta \sin \phi$$

$$z = r \cos \theta$$

- (a) Lakarkan sistem koordinat sferaan dan tunjukkan vektor unit  $\hat{e}_r$ ,  $\hat{e}_\theta$  dan  $\hat{e}_\phi$  yang berpadanan. (10/100)
- (b) Terbitkan ungkapan bagi halaju dan pecutan di dalam sebutan sistem koordinat sferaan. (60/100)
- (c) Nyatakan halaju dan sebutkan magnitud untuk gerakan bulatan. (10/100)
- (d) Jika gerakan bulatan dihadkan pada satah x-y, tunjukkan bahawa

$$\hat{e}_\phi = \hat{k} \times \hat{r}$$

di mana  $\hat{r}$  ialah vektor posisi.

(20/100)

2. Sebuah satelit dilancarkan tegak ke atas dari permukaan bumi dengan kelajuan  $v_o$ .
- (a) Nyatakan daya-daya yang berkesan di antara satelit dan bumi. Terangkan sama ada daya-daya itu terabadi. (20/100)
- (b) Dengan mengabaikan segala daya tak terabadi tunjukkan bahawa kelajuan lontaran  $v$  pada jarak  $x$  dari permukaan bumi ialah
- $$v^2 = v_o^2 - 2gx\left(1 - \frac{x}{R}\right)^{-1}$$
- di mana  $g$  ialah pecutan graviti dan  $R$  ialah jejari bumi. (40/100)
- (c) Berapakah jarak maksimum lontaran dan berapakah  $v_o$  supaya lontaran terlepas dari bumi? (20/100)
- (d) Terdapat satelit perhubungan "geostationary" yang mengelilingi bumi di dalam orbit bulatan pada tinggi  $x$  dari permukaan bumi. Daripada Hukum Kepler ketiga

$$T = 2\pi(GM)^{-\frac{1}{2}}(R+x)^{3/2}$$

dapatkan bilangan satelit yang diperlukan supaya kesemua tempat di permukaan bumi dapat dihubungkan.

$$\text{Jisim bumi} = 6 \times 10^{24} \text{ kg}$$


$$\text{Jejari bumi} = 6000 \text{ km}$$

$$G = 6 \times 10^{-11} \text{ m}^3 \text{ kg}^{-1} \text{ s}^2$$

(20/100)


3. Tuliskan Lagragian, Hamiltonian, persamaan Lagrange dan persamaan kanonik Hamilton bagi sistem-sistem yang berikut:

(a) Bandul Mudah




(20/100)

(b) Mesin Atwood Dubel



(40/100)

(c) Bandul Sferaan Kenyal



(40/100)

4. Daripada Hukum Newton kedua dan pertimbangan koordinat teritlak  $q_r$ , boleh ditunjukkan bahawa

$$\frac{d}{dt} \frac{\partial}{\partial \dot{q}_r} T - \frac{\partial}{\partial q_r} T = Q_r$$

di mana  $Q_r$  ialah daya teritlak.

- (a) Kalau  $Q_r$  terabadi dapatkan persamaan gerakan Lagrange. (20/100)

- (b) Kalau terdapat sebahagian daripada  $Q_r$  yang tidak terabadi, dapatkan persamaan Lagrange yang wajar. (20/100)

- (c) Suatu zarah terjatuh di bawah pengaruh graviti di dalam suatu bahantara merintang yang daya rintangannya ialah  $v$  per unit jisim. Dengan pendekatan Lagrange, dapatkan halaju zarah itu. (60/100)

5. Tenaga kinetik bagi dua osilator linear yang terganding ialah

$$T = \frac{1}{2}m_1 \dot{x}_1^2 + \frac{1}{2}m_2 \dot{x}_2^2$$

dan tenaga keupayaan yang sepadan ialah

$$U = \frac{1}{2}kx_1^2 + \frac{1}{2}k(x_2 - x_1)^2 + \frac{1}{2}kx_2^2$$

di mana  $m_1$  dan  $m_2$  ialah jisim osilator dan  $k$  ialah pemalar spring bagi osilator.

- (a) Dapatkan persamaan Hamilton bagi osilator tersebut. (40/100)

- (b) Daripada (a) di atas tunjukkan persamaan gerakan bagi  $m_1$  dan  $m_2$  adalah seperti berikut:

$$m_1 \ddot{x}_1 + kx_1 - k(x_2 - x_1) = 0$$

$$m_2 \ddot{x}_2 + kx_2 + k(x_2 - x_1) = 0$$

(20/100)

- (c) Jika  $m_1 = m_2$  dan dengan membiarkan  $\omega^2 = k/m$  tunjukkan bahawa osilator tergantung itu mempunyai dua frekuensi pengayunan  $\omega$  dan  $\sqrt{3} \omega$ . Nyatakan pula penyelesaian am bagi  $x_1$  dan  $x_2$ .

(40/100)

- ooo00ooo -

